

DIALEK MELAYU PATANI: TINJAUAN LITERATUR BERSISTEMATIK

*MISS DEELA SINUR**
Universiti Kebangsaan Malaysia
adila23144@gmail.com

RAHIM AMAN
Universiti Kebangsaan Malaysia
tuntas@ukm.edu.my

SHAHIDI A. HAMID
Universiti Kebangsaan Malaysia
zedic@ukm.edu.my

RAHANEH TEHSA
Princess of Naradhiwas University, Thailand
rahaneh.t@pnu.ac.th

**Pengarang Perantara*

ABSTRAK

Dialek Melayu Patani merupakan salah satu dialek Melayu yang dituturkan di Selatan Thailand. Penyebaran dialek ini adalah di sekitar wilayah Narathiwat, Yala, Patani dan juga sebahagian daripada Songkhla. Berdasarkan beberapa kajian mengenai dialek Melayu Patani yang telah dibincangkan oleh penyelidik terdahulu, dapatlah ditegaskan bahawa belum ada lagi mana-mana penyelidik yang cuba untuk menyusun dan melakukan tinjauan literatur bersistematik (SLR) dalam dialek Melayu Patani. Sehubungan itu, artikel ini bertujuan untuk menulis satu tinjauan literatur bersistematik ke atas kajian lepas khususnya yang berkaitan dengan dialek Melayu Patani. Bentuk penelitian yang diterapkan dalam kajian ini ialah metode kualitatif berdasarkan model PRISMA. Strategi pencarian sistematik dapat dibahagikan kepada tiga subbahagian iaitu pengenalanpastian (*identification*), penapisan (*screening*) dan kelayakan (*eligibility*). Seterusnya, proses pencarian artikel dilakukan di tiga pangkalan data utama iaitu Scopus, Dimensions dan Google Scholar. Terdapat sebanyak 15 artikel yang telah berjaya memenuhi kriteria yang ditetapkan dan telah disertakan dalam artikel ini untuk dianalisis dapatannya. Secara keseluruhannya, dapatlah dirumuskan bahawa tinjauan literatur bersistematik (SLR) menghasilkan dua tema utama iaitu kajian asas linguistik dan kajian aplikasi linguistik serta menghasilkan lapan subtema. Melalui kajian ini, penyelidik sangat berharap agar ia dapat memberi manfaat, sumbangan penting serta menambahkan lagi ilmu pengetahuan dalam bidang linguistik Melayu, khususnya dalam bidang dialektologi.

Kata Kunci: Dialek Melayu Patani; linguistik; PRISMA; Selatan Thailand; tinjauan literatur bersistematik

PATANI MALAY DIALECT: A SYSTEMATIC LITERATURE REVIEW

ABSTRACT

Patani Malay dialect is one of the Malay dialects spoken in Southern Thailand. The spread of this dialect is around the province of Narathiwat, Yala, Patani and also part of Songkhla. Based on several studies on the Patani Malay dialect that have been discussed by previous researchers, it can be confirmed that there has not yet been any researcher who has tried to organize and conduct a systematic literature review (SLR) in the Patani Malay dialect. Accordingly, this article aims to write a systematic literature review on previous studies, especially those related to the Patani Malay dialect. The form of research applied in this study is a qualitative method based on the PRISMA model. The systematic search strategy can be divided into three subsections namely identification, screening and eligibility. Next, the search process for articles is conducted in three major databases, namely Scopus, Dimensions and Google Scholar. There are as many as 15 articles that have successfully met the set criteria and have been included in this article to analyse their findings. Overall, it can be concluded that the systematic literature review (SLR) produces two main themes which are the study of linguistic basics and the study of linguistic application and produces eight subthemes. Through this study, the researchers sincerely hope that it can provide benefits, make important contributions and contribute to more knowledge in the field of Malay linguistics, especially in the field of dialectology.

Keywords: Linguistic; Patani Malay dialect; PRISMA; Southern Thailand; systematic literature review

PENGENALAN

Dialek Melayu Patani merupakan dialek Melayu yang dituturkan di bahagian Selatan Thailand yang meliputi wilayah Narathiwat, Yala, Pattani dan juga sebahagian daripada Songkhla iaitu di daerah Chana, Nathawi, Sadao, Sebayoi dan Thepa. Dialek Melayu Patani adalah salah satu dialek Melayu yang berkembang dari sistem linguistik. Antara faktornya disebabkan terpengaruh dengan bahasa lain dan juga penyesuaian bahasa supaya dapat dikomunikasikan pada zaman semasa. Berdasarkan perkembangan tersebut telah mewujudkan beberapa unsur kebahasaan dalam dialek Melayu Patani antaranya konsonan panjang, konsonan hembusan, vokal sengau dan kata ekasuku. Unsur kebahasaan ini dianggap sebagai ciri istimewa dialek Melayu Patani. Selain daripada dialek Melayu Patani, terdapat juga bahasa-bahasa lain di kawasan pertuturan dialek Melayu Patani antaranya dialek Thai Selatan, bahasa Thai Baku, bahasa Cina dan bahasa Kensiu. Antara bahasa-bahasa tersebut, dialek Melayu Patani merupakan bahasa minoriti di negara Thailand dan bahasa majoriti di bahagian selatan negara Thailand iaitu di wilayah Narathiwat, Yala dan juga Pattani (Ruslan Uthai, 2011).

Menurut Ruslan (2011) terdapat dua istilah yang berkaitan dengan perkataan Pattani dan Patani. Dua perkataan tersebut sering digunakan secara bersinonim. Istilah Dialek Melayu Pattani dan Dialek Melayu Patani kedua-duanya merujuk kepada dialek Melayu yang dituturkan di kawasan wilayah Pattani, wilayah Yala, wilayah Narathiwat dan sebahagian daripada wilayah Songkhla. Hal ini berbeza dengan kajian Paitoon (2005) yang menyatakan bahawa istilah Pattani sesuai untuk merujuk kepada daerah yang populasinya berada di wilayah

Pattani sahaja sedangkan istilah Patani sesuai digunakan untuk merujuk kepada daerah yang meliputi kawasan penutur dialek berkenaan, sama ada di kawasan wilayah Pattani mahupun di sekitarnya iaitu wilayah Narathiwat, wilayah Yala dan sebahagian daripada wilayah Songkhla.

Terdapat beberapa kajian yang dijalankan di Selatan Thailand mengenai dialek Melayu Patani antaranya oleh Ibrohim (2023), Seniyadi & Mohd. Mukhlis (2023), Abdonloh et al. (2022;2022), Muniroh & Oktiva (2022), Nurlaila & Mualimin (2022), Siti Kameelah et al. (2022), Angsana & Ilangko (2021), Sumaiyah & Andreena (2021), Mohd. Alee et al. (2020), Shahidi & Mumad (2020), Suraiya (2020), Wahya & Suhaila (2020), Kamaruddin (2019) dan Suhaila et al. (2019). Berdasarkan beberapa kajian mengenai dialek Melayu Patani yang telah dibincangkan oleh penyelidik terdahulu, dapatlah ditegaskan bahawa belum ada lagi mana-mana penyelidik yang cuba untuk menyusun dan melakukan tinjauan literatur bersistematik (SLR) dalam dialek Melayu Patani. Justeru, tinjauan literatur bersistematik perlu dilakukan kerana ia merupakan teknik tinjauan literatur yang menyeluruh, telus, tersusun serta sistematik (Hayrol Azril, 2020; Durach et al., 2017). Sehubungan itu, artikel ini bertujuan untuk menulis satu tinjauan literatur bersistematik (SLR) ke atas kajian-kajian lepas khususnya yang berkaitan dengan dialek Melayu Patani.

METODOLOGI KAJIAN

Tinjauan literatur bersistematik (SLR) ialah salah satu kaedah literatur untuk mengenal pasti, memilih, menilai dan mensintesis artikel yang ingin disertakan dalam proses tinjauan untuk menjawab persoalan kajian yang telah ditetapkan (Hayrol Azril, 2020; Dewey & Drahot, 2016). Bentuk penelitian yang diterapkan dalam kajian ini ialah metode kualitatif. Bagi membentuk tinjauan literatur bersistematik yang berkaitan dengan dialek Melayu Patani, penyelidik menggunakan model PRISMA (*Preferred Reporting Items for Systematic Review and Meta-analysis*). Pemilihan PRISMA sebagai sumber rujukan utama dalam SLR ini kerana PRISMA mempunyai beberapa kelebihan antaranya ialah protokol ini digunakan secara meluas untuk menjalankan kajian literatur yang telus, sempurna dan bersistematik. Selain itu, protokol ini juga diperlukan untuk membimbing penyelidik supaya mampu menilai, meneliti kualiti dan ketelitian semakan (Hayrol Azril et al., 2020).

Selain daripada sumber rujukan SLR yang telah dibincangkan, terdapat juga beberapa proses pencarian yang menyeluruh untuk pembentukan SLR atau yang dinamakan dengan strategi pencarian sistematik. Strategi pencarian sistematik dapat dibahagikan kepada tiga subbahagian iaitu pengenalpastian (*identification*), penapisan (*screening*) dan kelayakan (*eligibility*). Selain itu, bahagian ini juga akan menghuraikan kriteria yang diperlukan dalam pemilihan artikel untuk dijadikan bahan rujukan terhadap pembentukan SLR.

PENGENALPASTIAN (IDENTIFICATION)

Pengenalpastian merupakan satu peringkat permulaan untuk mengenal pasti, memperbanyak dan mempelbagaikan kata kunci bagi proses pencarian untuk mendapatkan artikel dalam pembentukan SLR. Dalam peringkat ini perlu memperbanyakkan kata kunci supaya lebih banyak artikel yang akan diperolehi. Untuk mempelbagaikan kata kunci dalam kajian ini adalah dengan mencari perkataan yang bersinonim atau perkataan yang sama erti, perkataan yang berkaitan dan variasi atau yang dimaksudkan dengan kata akar perkataan. Usaha pencarian ini telah dijalankan dengan empat rujukan iaitu merujuk 'online thesaurus', merujuk kata kunci kajian lepas, merujuk kata kunci pangkalan data seperti Scopus dan merujuk pendapat pakar (Hayrol Azril, 2021). Kata kunci utama yang diterapkan dalam proses ini ialah dialek Melayu

Patani, dialektologi dan Selatan Thailand. Hasil daripada proses pengenalpastian ini boleh dirujuk dalam Jadual 1.

Seterusnya, proses pencarian artikel akan dilakukan dengan tiga pangkalan data iaitu Scopus, Dimensions dan Google Scholar. Kesemua pangkalan data ini dipilih berdasarkan beberapa kelebihan yang tersendiri. Pangkalan data Scopus dan Dimensions dipilih kerana penerbitan artikel yang berimpak tinggi. Pangkalan data Google Scholar dipilih sebagai enjin pencarian kerana merangkumi lebih banyak bidang kajian khususnya yang berkaitan dengan bidang dialek Melayu Patani. Sehubungan itu, berdasarkan kata kunci, pangkalan data dan teknik pencarian yang digunakan dalam peringkat ini, didapati sebanyak 269 artikel yang berjaya diperolehi. Artikel yang telah berjaya diperolehi perlu melalui peringkat seterusnya dalam strategi pencarian sistematik iaitu peringkat penapisan (*screening*). Kata kunci yang digunakan dalam proses pencarian artikel dalam pangkalan data Scopus, Dimensions dan Google Scholar adalah seperti dalam Jadual 1:

JADUAL 1. Rentetan carian yang dibentuk bagi tujuan pencarian artikel

Pangkalan data	Rentetan carian	Jumlah
Scopus	TITLE-ABS-KEY (("Patani Malay dialect*" OR "Patani Malay" OR "Patani dialect*" OR "Malay Patani dialect*" OR "Malay Patani language*" OR "Malay dialect*") AND ("dialect*" OR "linguistic*" OR "phonology*" OR "lexical*") AND ("Patani" OR "southern Thailand" OR "Patani Malay community*"))	6
Dimensions	("dialek Melayu Patani" OR "dialek Patani" OR "bahasa Melayu Patani") AND ("dialektologi" OR "linguistik" OR "fonologi" OR "leksikal") AND ("Patani" OR "Thailand selatan" OR "Selatan Thailand")	19
Google Scholar	("dialek Melayu Patani" OR "dialek Patani" OR "bahasa Melayu Patani") ("dialektologi" OR "linguistik" OR "fonologi" OR "leksikal") ("Patani" OR "Thailand selatan" OR "Selatan Thailand")	244

PENAPISAN (SCREENING)

Penapisan merupakan satu proses yang memerlukan penyelidik menetapkan beberapa kriteria dan kriteria tersebut akan digunakan untuk memilih artikel yang relevan dengan SLR yang ingin dibentuk (Hayrol Azril, 2020). Peringkat penapisan ini dilakukan bertujuan untuk mengecilkan jumlah artikel dan juga mencari artikel yang bersesuaian dengan tajuk kajian. Terdapat beberapa kriteria yang digunakan dalam peringkat ini antaranya tahun penerbitan, jenis penerbitan, jenis bahasa dan jenis dapatan. Tahun penerbitan iaitu penerbitan dalam tempoh lima tahun terkini (2019 hingga 2023). Hanya penerbitan dalam bentuk artikel jurnal sahaja yang dipilih dalam kajian ini. Selain itu, artikel yang diterbitkan dalam bahasa Melayu, Indonesia dan Inggeris serta jenis dapatan yang berbentuk empirikal sahaja yang dipilih dalam kajian ini. Berdasarkan beberapa kriteria yang ditapis dalam peringkat ini, terdapat 171 artikel dikeluarkan kerana tidak memenuhi kriteria yang telah ditetapkan. Sejumlah 98 artikel yang akan melalui peringkat ketiga dalam strategi pencarian sistematik iaitu peringkat Kelayakan (*eligibility*). Kriteria yang digunakan dalam proses penapisan artikel untuk SLR ini adalah seperti yang dipaparkan dalam Jadual 2:


JADUAL 2. Kriteria yang digunakan dalam proses penapisan artikel

Kriteria yang digunakan dalam proses penapisan artikel	
Tahun penerbitan	Lima tahun terkini (2019 hingga 2023)
Jenis penerbitan	Artikel jurnal sahaja
Jenis bahasa	Bahasa Melayu, Indonesia dan Inggeris
Jenis dapatan	Berbentuk empirikal

KELAYAKAN (ELIGIBILITY)

Kelayakan merupakan proses penapisan kali kedua. Proses ini dilakukan bertujuan untuk memastikan bahawa kesemua artikel yang dipilih benar-benar berkaitan dengan kajian dialek Melayu Patani. Usaha penapisan ini dijalankan dengan berfokus kepada dua bahagian penting antaranya tajuk artikel dan abstrak kajian. Sekiranya masih gagal dikenal pasti setelah membaca tajuk dan abstrak kajian, maka bahagian metodologi dan hasil kajian akan dirujuk (Hayrol Azril, 2021). Berdasarkan beberapa usaha penapisan dalam peringkat ini, terdapat 65 artikel yang telah dikeluarkan kerana tidak berkaitan dan terdapat 15 artikel yang berstatus pendua. Hanya 18 artikel sahaja yang akan melalui peringkat seterusnya iaitu penilaian kualiti artikel.

Kesemua 18 artikel yang telah berjaya melepasi ketiga-tiga proses pemilihan artikel ini memenuhi syarat dan kriteria yang telah ditetapkan untuk melalui peringkat seterusnya iaitu peringkat penilaian kualiti artikel. Selain dalam bentuk penulisan, Ketiga-tiga proses pemilihan artikel ini juga boleh dipaparkan dalam bentuk carta aliran. Dalam kajian ini penyelidik memaparkan proses ini dalam bentuk carta aliran dengan menggunakan model PRISMA. Carta aliran tersebut diadaptasi daripada Moher et al. (2015) serta diubah bersesuaian dengan kajian ini seperti yang dipaparkan dalam Rajah 1:



RAJAH 1. Carta aliran model PRISMA diadaptasi daripada Moher et al. (2015)

PENILAIAN KUALITI ARTIKEL

Kesemua artikel yang telah melalui ketiga-tiga proses pemilihan harus dinilai terlebih dahulu kualitinya. Hal ini bagi meminimumkan serta mengesan artikel yang mungkin mempunyai kelemahan dari segi metodologi atau dapatan kajian (Hayrol Azril, 2021). Dalam artikel ini, penyelidik memilih dua orang penilai iaitu penyelia utama dan penyelia bersama untuk membuat penilaian kualiti artikel. Sepertimana yang telah dinyatakan oleh Charrois (2015) penulis dan penulis bersama boleh menilai kualiti artikel yang dipilih. Penilaian kualiti artikel perlu dilakukan oleh dua orang penilai atau lebih. Setiap artikel akan dinilai berdasarkan dua kriteria utama iaitu adakah jelas persoalan kajian yang dinyatakan dan adakah data yang

diperoleh mampu menjawab persoalan kajian yang dinyatakan? Artikel yang akan dinilai harus mempunyai kedua-dua kriteria tersebut sebelum ke peringkat seterusnya. Daripada 18 artikel yang telah dinilai kualitasnya, terdapat 15 artikel yang telah memenuhi kriteria dan telah disertakan dalam artikel ini. Manakala tiga artikel lagi telah dikeluarkan kerana tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan.

PENGEKSTRAKAN DATA DAN ANALISIS DATA

Langkah seterusnya adalah untuk melakukan proses pengekstrakan data ke atas artikel yang telah dinilai kualitasnya. Proses ini ditekankan kepada tiga bahagian utama iaitu konteks kajian, metode dan dapatan kajian berdasarkan aturan tahun dan tema. Dalam proses ini, dua tema utama telah dikenal pasti iaitu kajian asas linguistik dan kajian aplikasi linguistik. Kemudian, dapatan yang dikumpulkan dalam setiap tema ini, diteliti sekali lagi bagi proses pembentukan subtema dan telah menghasilkan lapan subtema. Dua tema utama dan lapan subtema yang dibentuk telah pun mendapat persetujuan daripada dua orang penilai yang dipilih bahawa yang sesuai dan relevan dengan objektif kajian yang telah ditetapkan seperti dalam Jadual 3:

JADUAL 3. Tema utama dan subtema yang dibentuk berdasarkan analisis tema yang dilakukan ke atas artikel terpilih

Kajian	Tema	Kajian asas linguistik		Kajian aplikasi linguistik				
	Subtema	FN	ST	AK	SL	PB	PR	PL
DL								
Ibrohim (2023)								/
Seniyadi & Mohd. Mukhlis (2023)						/		
Muniroh & Oktiva (2022)				/				
Siti Kameelah et al. (2022)						/		
Nurlaila & Muallimin (2022)						/		
Abdonloh et al. (2022)					/			
Abdonloh et al. (2022)					/			
Sumaiyah & Andreeana (2021)						/		
Angsana & Ilangko (2021)					/			
Shahidi & Mumad (2020)				/				
Suraiya (2020)		/						
Mohd. Alee et al. (2020)								/
Wahya & Suhaila (2020)								/
Kamaruddin (2019)					/			
Suhaila et al. (2019)			/					

FN = fonologi; ST = sintaksis; AK = akustik; SL = sosiolinguistik; PB = peminjaman bahasa; PR = perbandingan; PL = pengelompokan; DL = dialektologi

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Daripada 15 artikel yang dipilih, terdapat dua tema utama yang telah dikenal pasti berdasarkan kaedah tinjauan literatur bersistematik. Tema tersebut ialah kajian asas linguistik dan kajian aplikasi linguistik. Pembentukan tema tersebut dapat dihasilkan daripada kriteria yang dirujuk melalui konteks penulisan, metode dan dapatan kajian.

KAJIAN ASAS LINGUISTIK

Kajian asas linguistik atau linguistik murni memerihalkan tentang bahasa dari segi struktur atau bentuknya, sama ada dari unit terkecil hingga unit yang lebih besar. Itulah sebabnya ada yang menamakannya linguistik formal. Yang dipentingkan dalam linguistik asas ini ialah sistem intrinsik bahasa itu sendiri sebagai contoh kajian sintaksis, semantik, morfologi, fonetik, fonologi dan linguistik teks (Idris, 2017). Dalam kajian asas linguistik ini terdapat 2 subtema iaitu kajian fonologi dan kajian sintaksis.

KAJIAN FONOLOGI

Kajian fonologi merupakan salah satu cabang linguistik yang mengkaji tentang sistem dan fungsi bunyi dalam sesuatu bahasa (Rahim Aman, 2015). Terdapat satu artikel yang dikelaskan di bawah subtema ini seperti yang dipaparkan dalam Jadual 4.

JADUAL 4. Senarai kajian lepas di bawah subtema kajian fonologi

Kajian	Konteks penulisan	Metode	Dapatan kajian
Suraiya (2020)	Kajian ini bertujuan untuk meneliti dan menentukan inventori fonem serta proses fonologi dalam dialek Melayu Patani.	Kajian kualitatif, kajian lapangan, teori Auto-Segmental	Dialek Melayu Patani mempunyai 12 fonem vokal dan dapat dibahagikan kepada 3 kategori vokal iaitu vokal oral, vokal terbitan dan vokal nasal. Manakala konsonan pula mempunyai 28 fonem konsonan dan dapat dibahagikan kepada 3 kategori konsonan iaitu konsonan asal, konsonan aspirasi dan konsonan pinjaman. Kemudian, Struktur suku kata dalam dialek Melayu Patani dikategorikan sebagai pola struktur suku kata jenis ketiga iaitu pola suku kata KV(K). Akhir sekali, terdapat beberapa proses fonologi antaranya ciri-ciri asimilasi, nasalisasi vokal, pengguguran, glotalisasi, monoftogisasi dan perubahan vokal.

KAJIAN SINTAKSIS

Kajian sintaksis merupakan bidang yang mengkaji proses pembentukan ayat dan menjelaskan bagaimana ciri ayat sesebuah bahasa itu berinteraksi dengan operasi sintaksis yang tertentu dan perkaitannya dengan sistem bahasa tersebut (Kartini, 2021). Terdapat satu artikel sahaja yang dikategorikan di bawah subtema ini seperti yang dipaparkan dalam Jadual 5.

JADUAL 5. Senarai kajian lepas di bawah subtema kajian sintaksis

Kajian	Konteks penulisan	Metode	Dapatan kajian
Suhaila et al. (2019)	Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti ayat pasif dalam dialek Melayu Patani. dengan penanda pasif /pɔ/	Kajian kualitatif, kajian lapangan, teori RRG	Ayat pasif dengan penanda pasif /pɔ/ dalam dialek Melayu Patani boleh hadir pada 3 posisi ayat. Pertama, penanda pasif /pɔ/ boleh hadir bersama perkataan /kɔʔ/ dan /di/ sebelum frasa nama. Kedua, penanda pasif /pɔ/ boleh hadir bersama penanda pasif /kəno/ yang hadir selepas penanda pasif /pɔ/. Ketiga, penanda pasif /pɔ/ juga boleh berada di posisi awal ayat. Pemaparan representasi sintaksis ayat pasif dengan penanda pasif /pɔ/ akan dipaparkan melalui struktur klausa berdasarkan teori RRG.

KAJIAN APLIKASI LINGUISTIK

Kajian aplikasi linguistik atau linguistik subordinat merupakan kajian yang meneliti dan memerihalkan tentang sistem bahasa dalam hubungannya dengan penutur dan sesetengahnya dengan konteks sebagai contoh kajian sosiolinguistik, psikolinguistik, leksikologi, dialektologi, analisis wacana dan sebagainya (Idris, 2017). Dalam kajian aplikasi linguistik ini terdapat 6 subtema iaitu a. kajian dialektologi, b. kajian fonetik akustik, c. kajian sosiolinguistik, d. kajian peminjaman bahasa, e. kajian perbandingan dan f. kajian pengelompokan.

KAJIAN DIALEKTOLOGI

Kajian dialektologi merupakan kajian tentang dialek. Pada umumnya dialek ialah satu bentuk bahasa yang substandard, berstatus rendah dan bersifat kedesaan, rata-rata ia dikaitkan dengan masyarakat tani, kelas pekerja atau golongan-golongan lain yang tidak bertaraf tinggi (Chambers J.K. & Trudgill P., 1990). Terdapat satu artikel sahaja yang dikelaskan di bawah subtema ini seperti yang dipaparkan dalam Jadual 6.

JADUAL 6. Senarai kajian lepas di bawah subtema kajian dialektologi

Kajian	Konteks penulisan	Metode	Dapatan kajian
Ibrohim (2023)	Kajian ini bertujuan untuk melihat kesejajaran dan penyebaran varian Yaha berdasarkan aspek fonologi iaitu fonem vokal dalam medan semantik yang tertentu.	Kajian kualitatif, kajian lapangan, pendekatan dialektologi sinkronik	Secara umumnya wujud realisasi vokal pada semua kawasan yang diteliti, namun masih wujud kesejajaran dan penyebaran pada kampung-kampung yang tertentu. Varian Yaha mempunyai 3 sub varian utama iaitu varian asal Yaha, varian pendatang dan varian percampuran. Varian Yaha dilihat agak berbeza berbanding dengan varian lain di Thailand bahagian selatan.

KAJIAN FONETIK AKUSTIK

Kajian fonetik akustik merupakan kajian yang mengkaji tentang ciri fizikal bunyi-bunyi bahasa ataupun ciri gelombang bunyi yang dimiliki suatu bahasa itu yang sampai ke telinga pendengar.

Ada tiga ciri utama bunyi yang ditekankan dalam kajian ini, iaitu nada, kelantangan dan kepanjangan (tempoh masa) sesuatu bunyi bahasa (Rahim, 2015). Terdapat satu artikel sahaja yang dikelaskan di bawah subtema ini seperti yang dipaparkan dalam Jadual 7.

JADUAL 7. Senarai kajian lepas di bawah subtema kajian fonetik akustik

Kajian	Konteks penulisan	Metode	Dapatan kajian
Shahidi & Mumad (2020)	Kajian ini bertujuan untuk memerihalkan aspek penghasilan bunyi berdasarkan pemanjangan konsonan.	Kajian kualitatif, kajian lapangan, teori fonetik akustik	Berlaku pemanjangan konsonan dalam dialek Melayu Patani. Pemanjangan konsonan tersebut berlaku secara spesifik iaitu hanya wujud pada bunyi yang tertentu sahaja. Berdasarkan kajian ini didapati bahawa hanya bunyi plosif bersuara sahaja yang dilihat bertepatan dengan konsep pemanjangan konsonan dalam dialek Melayu Patani.

KAJIAN SOSIOLINGUISTIK

Kajian sosiolinguistik merupakan kajian yang mengkaji tentang bahasa dalam konteks sosialnya. Sosiolinguistik merangkumi pelbagai soalan penyelidikan dan matlamat yang ingin dicapai. Kajian sosiolinguistik juga melibatkan kajian deskriptif mengenai hubungan bahasa dan aspek masyarakat yang dikaji termasuk norma budaya, konteks sosial dan bahasa yang digunakan (Sa'adiah, 2021). Terdapat sebanyak dua artikel yang dikategorikan di bawah subtema ini seperti yang dipaparkan dalam Jadual 8.

JADUAL 8. Senarai kajian lepas di bawah subtema kajian sosiolinguistik

Kajian	Konteks penulisan	Metode	Dapatan kajian
Muniroh & Oktiva (2022)	Kajian ini membincangkan mengenai pergeseran bahasa yang terjadi dalam masyarakat Melayu di wilayah Yala, Thailand.	Kajian kualitatif, kajian lapangan	Faktor yang menyebabkan pergeseran bahasa berlaku dalam masyarakat Melayu di wilayah Yala, Thailand ialah faktor migrasi, sosial, pendidikan dan ekonomi. Berdasarkan beberapa faktor tersebut telah mengakibatkan dialek Melayu Patani mengalami pergeseran bahasa baik dalam bentuk leksikal, fonologi, klausa dan juga ayat. Pergeseran bahasa ini berlakulah beberapa fenomena linguistik iaitu perubahan alih kod, campur kod dan interferensi.
Kamaruddin (2019)	Kajian ini bertujuan memaparkan situasi sosiolinguistik dan fenomena kebahasaan dalam masyarakat Melayu di tiga wilayah Selatan Thailand.	Kajian kualitatif, kajian lapangan, teori etnografi	Masyarakat Melayu di tiga wilayah Thailand bahagian selatan mengalami fenomena pertembungan bahasa antara dialek Melayu Patani dengan bahasa Thai. Kesan fenomena tersebut muncullah sebuah masyarakat dwibahasa. Kedwibahasaan ini berlakulah beberapa fenomena linguistik iaitu fenomena pemilihan bahasa, percampuran bahasa, percampuran kod, pengalihan kod dan sebagainya.

KAJIAN PEMINJAMAN BAHASA

Peminjaman kata merupakan pengambilan sesuatu unsur bahasa, biasanya perkataan atau idiom (yang boleh terdiri daripada satu atau dua perkataan atau lebih) oleh penutur bahasa atau juga oleh dialek sesuatu bahasa dari bahasa atau dialek lain. Kajian pinjaman unsur bahasa biasanya dilakukan dalam paksi sinkronik dengan melihat kepada faktor-faktor yang mendorong berlakunya peminjaman (Asmah, 2022). Terdapat sebanyak tiga artikel yang dikelaskan di bawah subtema ini seperti yang dipaparkan dalam Jadual 9.

JADUAL 9. Senarai kajian lepas di bawah subtema kajian peminjaman bahasa

Kajian	Konteks penulisan	Metode	Dapatan kajian
Abdonloh et al. (2022)	Kajian ini bertujuan untuk menyemak semula kata-kata pinjaman bahasa Thai dalam dialek Melayu Patani dari aspek perubahan makna berdasarkan perbandingan makna kedua-dua kata.	Kajian kualitatif ,kajian lapangan	Terdapat kata pinjaman yang masih mengekalkan makna asal daripada bahasa Thai dan juga kata-kata yang mengalami perubahan makna. Berdasarkan proses peminjaman bahasa Thai dalam dialek Melayu Patani terdapat 3 jenis perubahan makna iaitu peluasan makna, proses penyempitan makna dan proses pertukaran makna.
Abdonloh et al. (2022)	Kajian ini memerihalkan proses peminjaman bahasa Thai dalam dialek Melayu Patani dari perspektif sosiolinguistik.	Kajian kualitatif ,kajian lapangan	Terdapat dua proses peminjaman iaitu proses pengimportan dan proses penggantian. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa selain proses peminjaman terus daripada bahasa Thai dalam dialek Melayu Patani, dialek Melayu Patani juga menyesuaikan kata pinjaman bahasa Thai mengikut sistem yang sedia ada dalam dialek Melayu Patani.
Angsana & Ilangko (2021)	Kajian ini bertujuan untuk menganalisis perubahan konsonan dalam kata pinjaman bahasa Sanskrit ke bahasa Thai dan dialek Melayu Patani.	Kajian kualitatif ,kajian lapangan	Terdapat perubahan konsonan dalam kedua-dua bahasa sama ada dalam bahasa Thai mahupun dialek Melayu Patani. Perubahan fonologi yang terdapat dalam kajian ini antaranya pengguguran, penyisipan, penyuaran, penyahsuara dan penggantian.

KAJIAN PERBANDINGAN

Kajian perbandingan bahasa merupakan kajian tentang deskripsi dan analisis unsur-unsur dan pola dari dua bahasa atau lebih, atau dari dua tahap waktu atau lebih dalam perkembangan sebuah bahasa untuk menentukan hubungan kekerabatan atau tipologi di antaranya dalam linguistik komparatif, atau untuk menentukan prinsip-prinsip yang dapat memudahkan pengajaran bahasa dan penterjemahan dalam linguistik kontrastif (Harimurti, 1993). Terdapat sebanyak empat artikel yang dikategorikan di bawah subtema ini seperti yang dipaparkan dalam Jadual 10.

JADUAL 10. Senarai kajian lepas di bawah subtema kajian perbandingan

Kajian	Konteks penulisan	Metode	Dapatan kajian
Seniyadi & Mohd.	Kajian ini memerihalkan sistem fonemik serta	Kajian kualitatif	Bahasa Indonesia memiliki jumlah fonem sedikit berbanding dengan dialek Melayu

Mukhlis (2023)	membuat perbandingan antara bahasa Indonesia dengan dialek Melayu Patani.	, kajian lapangan	Patani serta memiliki sistem fonemik yang lebih sederhana dan stabil. Manakala dialek Melayu Patani pula, memiliki sistem fonemik yang lebih kompleks berbanding dengan bahasa Indonesia.
Siti Kameelah et al. (2022)	Kajian ini bertujuan untuk mendeskripsi bentuk kata bersinonim dan berhomonim dengan membuat perbandingan antara dialek Melayu Patani dengan bahasa Indonesia.	Kajian kualitatif, kajian lapangan	Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kata bersinonim dalam dialek Melayu Patani dengan bahasa Indonesia mempunyai makna dasar dan makna tambahan yang berbeza makna emotif.
Nurlaila & Mualimin (2022)	Kajian ini memerihalkan bentuk kosa kata serta melakukan perbandingan antara dialek Melayu Yala dengan dialek Melayu Menara atau dialek Melayu Narathiwat.	Kajian kualitatif, kajian lapangan	Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kedua-dua dialek tersebut merupakan dialek Melayu Patani yang dipengaruhi oleh bahasa Melayu Baku dan juga bahasa Thai. Selain itu, dipengaruhi juga daripada bahasa Arab dan bahasa Inggeris.
Sumaiyah & Andreena (2021)	Kajian ini bertujuan untuk mendeskripsi serta membuat perbandingan antara dialek Melayu Patani dengan dialek Melayu Satun.	Kajian kualitatif, kajian lapangan	Terdapat 48 bentuk kata yang sama dan terdapat 152 bentuk kata yang berbeza. Walau bagaimanapun kedua-dua dialek tersebut merupakan rumpun bahasa yang sama iaitu terkandung dalam rumpun bahasa Austronesia.

KAJIAN PENGELOMPOKAN

Kajian pengelompokan atau klasifikasi merupakan kajian yang mengkaji tentang hubungan antara semua bahasa dan berusaha untuk mengelompokkan semua bahasa yang berkerabat mengikut kadar kekerabatannya. Setiap bahasa itu sentiasa berkembang dan perkembangan yang terjadi dalam sesuatu bahasa bukan disebabkan oleh faktor pengaruh dari luar, tetapi kerana daya pertumbuhan daripada bahasa tersebut. Selain daripada itu, perkembangan sesuatu keluarga bahasa juga rumit dan berbelit-belit (Rahim, 2017; Collins, 1986). Terdapat sebanyak dua artikel yang dikelaskan di bawah subtema ini seperti yang dipaparkan dalam Jadual 11.

JADUAL 11. Senarai kajian lepas di bawah subtema kajian pengelompokan

Kajian	Konteks penulisan	Metode	Dapatan kajian
Mohd. Alee et al. (2020)	Kajian ini memerihalkan hubungan kekerabatan antara dialek Melayu Patani dengan bahasa Minangkabau	Kajian kuantitatif, kajian lapangan	Hubungan kekerabatan antara dialek Melayu Patani dengan bahasa Indonesia mempunyai hubungan kekerabatan sebanyak 65% serta memiliki waktu perpisahan antara 5-25 abad yang lepas (dikira dari tahun 2019).
Wahya & Suhaila (2020)	Kajian ini meneliti sistem fonemik untuk melihat hubungan kekerabatan antara empat bahasa iaitu	Kajian kualitatif, kajian lapangan	Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat 8 perangkat koresponden fonemik iaitu (a) /h ~ø/, (b) /s ~h/, (c) /l ~ε/, (d) /d ~r/, (e) /p ~k/, (f) /aw ~a ~ɔ/, (g) /am ~õŋ ~ε/ dan (h) /-an ~ --ε/. Selain itu, terdapat 4

bahasa Indonesia, bahasa Sunda, dialek Melayu Kelantan dan dialek Melayu Patani.	pengelompokan bahasa iaitu (1) BI, BS, DMP+DMK (2) BI, BS+DMK, DMP (3) BI, DMK, DMP+BS, dan (4) BI+DMK, DMP+BS.
--	---

PERBINCANGAN

Berdasarkan hasil dapatan kajian lepas yang telah disenarai sebelumnya, dapat dirumuskan bahawa sistem bunyi dalam dialek Melayu Patani terdapat 12 fonem vokal (Ibrohim, 2023; Suraiya, 2020) dan mempunyai 28 fonem konsonan (Suraiya, 2020). Pembuktian kajian ini berbeza dengan kajian Waemaji (1991) dan Paitoon (1983) yang menyatakan sistem bunyi dalam dialek Melayu Patani mempunyai 30 fonem konsonan. Manakala Rattiya (1986) pula mengemukakan sistem bunyi dalam dialek Melayu Patani mempunyai 26 fonem konsonan. Hal ini kerana, menurut beliau konsonan hembusan tidak dianggap sebagai fonem dalam dialek Melayu Patani. Dapatan kajian Rattiya (1986) dilihat bercanggah dengan dapatan kajian Suraiya (2020), Ruslan (2011), Waemaji (1991), dan Paitoon (1983) yang menganggap konsonan hembusan atau konsonan aspirasi wujud sebagai fonem dalam dialek Melayu Patani. Fonem tersebut berlaku secara spesifik iaitu hanya wujud pada konsonan plosif tak bersuara dan konsonan afrikat tak bersuara sahaja. Menurut Ruslan (1999) fenomena ini berlaku disebabkan pengaruh bahasa Thai secara tidak langsung. Banyak kata asal Melayu dalam dialek Melayu Patani yang pada asalnya mengandungi bunyi plosif tak aspirasi kemudian diaspirasikan dalam dialek Melayu Patani.

Struktur suku kata dalam dialek Melayu Patani dikategorikan sebagai pola struktur suku kata jenis ketiga iaitu KV(K). Terdapat juga beberapa proses fonologi dalam dialek Melayu Patani antaranya ciri-ciri asimilasi, nasalisasi vokal, pengguguran, glotalisasi, monoftongisasi dan perubahan vokal (Angsana & Ilangko, 2021; Suraiya, 2020). Selain itu, didapati bahawa masyarakat Melayu di tiga wilayah Selatan Thailand mengalami fenomena pergeseran bahasa dan pertembungan bahasa antara dialek Melayu Patani dengan bahasa Thai. Kesan fenomena tersebut muncullah sebuah masyarakat dwibahasa. Kedwibahasaan ini berlakulah beberapa fenomena linguistik iaitu fenomena pemilihan bahasa, percampuran bahasa, percampuran kod, pengalihan kod dan sebagainya (Muniroh & Oktiva, 2022; Kamaruddin, 2019). Menurut Rohaidah et al. (2018) fenomena linguistik tersebut berlaku disebabkan oleh sistem pendidikan, dasar kerajaan, perkahwinan (kekeluargaan), faktor pekerjaan dan turut dipengaruhi oleh persekitaran sosiobudaya masyarakat setempat.

Terdapat beberapa proses peminjaman bahasa daripada bahasa Thai ke dalam dialek Melayu Patani antaranya proses peminjaman secara terus daripada bahasa Thai ke dalam dialek Melayu Patani dan penyesuaian kata pinjaman daripada bahasa Thai mengikut sistem yang sedia ada dalam dialek Melayu Patani (Abdonloh et al., 2022; 2022). Hal ini berlaku kerana dialek Melayu Patani terletak di kawasan multilingualisme, banyak dipengaruhi oleh bahasa-bahasa persekitaran iaitu dialek Thai Selatan, bahasa Thai baku, bahasa Cina dan bahasa Kensi (Ruslan, 2011). Dialek Melayu Patani juga mempunyai pengaruh bahasa-bahasa asing seperti bahasa Arab dan bahasa Inggeris. Selain itu, tekanan dasar asimilasi daripada kerajaan Thai juga menyebabkan bahasa Thai turut memberi sumbangan terhadap peningkatan khazanah kosa kata dialek Melayu Patani Worawit (1990; 1999). Seterusnya, faktor ketiga fenomena peminjaman bahasa ini adalah disebabkan oleh kekerapan penggunaan bahasa asing tersebut melebihi bahasa ibunda. Faktor-faktor tersebut menyebabkan perkataan asing lebih

mudah diingat dan lebih mudah difahami kerana penggunaannya yang meluas. Lama-kelamaan kata itu akan dipinjam ke dalam bahasa asli tersebut.

Seterusnya, kajian turut melihat hubungan jauh dekat antara dialek Melayu Patani dengan dialek Melayu Kelantan, bahasa Indonesia, bahasa Sunda dan juga bahasa Minangkabau. Berdasarkan dapatan kajian yang dilakukan sebelumnya, dapatlah disimpulkan bahawa dialek Melayu Patani dengan dialek Melayu Kelantan mempunyai hubungan kekerabatan yang lebih rapat berbanding bahasa Indonesia, bahasa Sunda dan bahasa Minangkabau. Hal ini kerana, kedua-dua kawasan ini berkait rapat dengan kedudukan geografinya iaitu jarak geografi antara dialek Melayu Patani dengan dialek Melayu Kelantan dilihat lebih dekat berbanding dengan jarak geografi dialek Melayu Patani dengan bahasa Indonesia, bahasa Sunda dan bahasa Minangkabau. Menurut Hasan (2001) dialek Melayu Patani lebih menyerupai dialek yang digunakan di Kelantan kerana dialek inilah yang menentukan akar umbi kata mereka. Walau bagaimanapun, kesemua bahasa atau dialek tersebut digolongkan dalam cabang bahasa Nusantara iaitu merupakan bahasa yang tergolong dalam rumpun bahasa Austronesia.

KESIMPULAN

Kajian awal ini dapat menggambarkan pemahaman asas yang berkaitan dialek Melayu Patani. Dalam kajian ini penyelidik cuba untuk menyusun, melakukan dan menulis satu tinjauan literatur bersistematik (SLR) ke atas kajian-kajian lepas khususnya yang berkaitan dengan dialek Melayu Patani. Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan bahawa dialek Melayu Patani yang dimanfaatkan dalam bentuk tinjauan literatur bersistematik (SLR) dapat dibahagikan kepada dua tema utama dan menghasilkan lapan subtema. Pembentukan tema dan subtema tersebut dibentuk berdasarkan kriteria yang dirujuk melalui konteks penulisan, metode dan juga dapatan kajian.

Sehubungan itu, penyelidik sangat berharap agar kajian ini dapat dijadikan sebagai bahan ilmiah yang bermanfaat serta dapat memberi sumbangan dan menambahkan lagi ilmu pengetahuan dalam bidang linguistik Melayu, khususnya dalam bidang dialek Melayu Patani. Namun demikian, penyelidik berpandangan bahawa usaha penulisan dan penyelidikan mengenai dialek Melayu Patani perlu diteruskan lagi kerana banyak aspek yang boleh disentuh terutamanya yang berkaitan dengan kajian dialektologi agar keunikan dan keistimewaan dialek Melayu Patani dapat diketengahkan kepada masyarakat luar.

RUJUKAN

- Abdonloh Khreeda-oh, Hishamudin Isam & Mashetoh Abd Mutalib. 2022. Pemugaran Perubahan Makna Kata Pinjaman Bahasa Thai dalam Dialek Melayu Patani. *Jurnal Pengajian Melayu - JOMAS*, 33(1), 1-16.
- Abdonloh Khreeda-oh, Hishamudin Isan & Mashetoh Abd Mutalib. 2022. The Borrowing Processes of Thai Language in Patani Malay Dialect in Thailand. *International Journal of Multidisciplinary Research and Analysis*, 5(1), 13-17.
- Angsana Na Songkhla & Ilangko Subramaniam. 2021. Consonant Changes in Words Borrowed from Sanskrit to Thai and Patani Malay. *International Journal of Linguistics*, 13(5), 92-102.
- Asmah Hj. Omar. 2022. *Linguistik Sejarah Pertumbuhan, Perkembangan dan Penyebaran Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Chambers, J. K. & Trudgill, P. 1990. *Dialektologi*. Terj. Annuar Ayub. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Charrois, T. L. 2015. Systematic Reviews: What Do You Need to Know to Get Started?. *The Canadian Journal of Hospital Pharmacy*, 68(2), 144-148.
- Collins, J. T. 1986. *Penyusunan Salasilah Bahasa Melayu di Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Dewey, A. & Drahota, A. 2016. Introduction to Systematic Reviews: Online Learning Module Cochrane Training. Diperoleh Julai 20, 2023 dari [https:// training. cochrane.org/ interactive learning/ module-1 introduction- conducting-systematic-reviews](https://training.cochrane.org/interactive-learning/module-1-introduction-conducting-systematic-reviews)
- Durach, C.F., Kembro, J. & Wieland, A. 2017. A New Paradigm for Systematic Literature Reviews in Supply Chain Management. *Journal of Supply Chain Management*, 53(4), 67-85.
- Harimurti Kridalaksana. 1993. *Kamus Linguistik*. Jakarta: Penerbit PT Gramedia.
- Harishon Radzi & Nurul Jawahir Md Ali. 2017. Penerimaan Bahasa Melayu dalam Dialek Rawa: Penelitian Peminjaman Kata. Dlm. Nor Hashimah Jalaluddin & Fazal Mohamed Mohamed Sultan (Peny.) *Linguistik Kontemporari*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 106-123.
- Hasan Madmarn. 2001. *Pondok dan Madrasah di Patani*. Terj. Haslin Kalmi. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hayrol Azril Mohamed Shaffril. 2020. *Metodologi Asas Systematic Literature Review*. Selangor: Penerbit Hayrol Azril Mohamed Shaffril.
- Hayrol Azril Mohamed Shaffril. 2021. *Tips dan Teknik Penulisan Artikel Berbentuk Systematic Literature Review (SLR)*. Selangor: Penerbit Hayrol Azril Mohamed Shaffril.
- Hayrol Azril Mohamed Shaffril, Nobaya Ahmad, Samsul Farid Samsudin, Asnarulkhadi Abu Samah & Mas Ernawati Hamdan. 2020. Systematic Literature Review on Adaptation Towards Climate Change Impacts Among Indigenous People in the Asia Pacific Regions. *Journal Of Cleaner Production*, 258 (120595), 1-14.
- Hayrol Azril Mohamed Shaffril, Samsul Farid Samsudin & Asnarulkhadi Abu Samah. 2020. The ABC of Systematic Literature Review: the Basic Methodological Guidance for Beginners. *Quality and Quantity*, 55, 1319-1346.
- Ibrohim Malee. 2023. Penyebaran Sistem Vokal DMP di Yaha. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 2, 267-287.
- Idris Aman. 2017. Linguistik Mutakhir: dari Dunia Bahasa ke Dunia Nyata. Dlm. Nor Hashimah Jalaluddin & Fazal Mohamed Mohamed Sultan (Peny.) *Linguistik Kontemporari*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 20-39.
- Kamaruddin Isayah. 2019. Analisis Sociolinguistik Masyarakat Melayu di Tiga Wilayah Sempadan Selatan Thailand Berlandaskan Teori Etnografi Komunikasi. *Journal of Communication in Scientific Inquiry*, 1(1), 59-76.
- Kartini Abd. Wahab. 2021. Pendekatan Program Minimalis dalam Kajian Ayat Pasif Bahasa Melayu. Dlm. Maslida Yusof, Karim Harun & Rahim Aman (Peny.) *Kaedah & Teknik Penyelidikan Linguistik Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 42-60.
- Moher, D., Shamseer, L., Clarke, M., Ghersi, D., Liberati, A., Petticrew, M., Shekelle, P., Stewart, L. A. and PRISMA-P Group. 2015. Preferred Reporting Items for Systematic Review and Meta-Analysis Protocols (PRISMA-P) 2015 Statement. *Systematic Reviews* 4,1. <https://doi.org/10.1186/2046-4053-4-1>

- Muhammad Alee Nalee, Nadra & Muhammad Yusdi. 2020. Hubungan Kekerabatan Bahasa Melayu Patani dengan Bahasa Minangkabau. *Madah: Jurnal Bahasa dan Sastra*, 11(1), 43-56.
- Muniroh Bachoh & Oktiva Herry Candra. 2022. Pergeseran Bahasa Melayu Patani dalam Masyarakat Multilingual di Wilayah Yala Thailand Selatan. *Jurnal Kajian Budaya, Perpustakaan dan Informasi*, 6(2), 163-172.
- Nur Habibah Che Rosdi, Rahim Aman & Shahidi A. Hamid. 2023. *Dialek Hulu Perak Utara Pendekatan Linguistik Perbandingan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nurlaila Kengmalaphi & Mualimin Mualimin. 2022. Perbandingan Kosa Kata Bahasa Melayu Patani (Thailand) Antara Dialek Yala dan Menara dalam Ranah Masyarakat. *Jurnal Kajian Budaya, Perpustakaan dan Informasi*, 6(2), 173-178.
- Paitoon Masmintra Chaiyanara. 1983. *Dialek Melayu Patani dan Bahasa Malaysia: Satu Kajian Perbandingan Segi Fonologi, Morfologi dan Sintaksis*. Unpublished M.A. thesis, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Paitoon Masmintra Chaiyanara. 2005. Transmorfofonologisasi Suprafiks: Dialek Patani Merentasi Zaman. *Jurnal Bahasa*, 5(1), 51-67.
- Rahim Aman. 2015. Fonetik dan Fonologi. Dlm. Zulkifley Hamid, Ramli Md. Salleh & Rahim Aman (Pnyt.). *Linguistik Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 52-67, Edisi Ketiga.
- Rahim Aman. 2017. *Linguistik Bandingan Bahasa Bidayuhik*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rattiya Salleh. 1986. *Phasa Melayu Thin Pattani*. Songkhla: Universiti Srinakarinwirot.
- Ruslan Uthai. 1999. *Etimologi Bahasa Melayu Patani: Sumber Austroasia dan Tai-Kadai*. Unpublished Ph.D thesis, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Ruslan Uthai. 2011. *Keistimewaan Dialek Melayu Patani*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sa'adiah Ma'alip. 2021. Kajian Sociolinguistik dalam Pemilihan Bahasa Masyarakat Chetti di Melaka. Dlm. Maslida Yusof, Karim Harun & Rahim Aman (Peny.) *Kaedah & Teknik Penyelidikan Linguistik Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 188-204.
- Seniyadi & Muhammad Mukhlis. 2023. Perbandingan Fonemik Bahasa Indonesia dengan Bahasa Melayu Patani Thailand. *Jurnal Lingkar Pendidikan*, 2(2), 61-66.
- Shahidi A. Hamid & Mumad Chelaeh. 2020. Pemanjangan Konsonan dalam Dialek Melayu Patani. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 20(3), 181-198.
- Shirley, L. & Shahidi A. Hamid. 2021. Pendekatan Fonetik Akustik dalam Kajian Pembelajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua di Malaysia. Dlm. Maslida Yusof, Karim Harun & Rahim Aman (Peny.) *Kaedah & Teknik Penyelidikan Linguistik Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 26-41.
- Siti Kameelah Kareng, Oktavia Winda Lestari & Mohamad Jazeri. 2022. Kata Bersinonim dan Berhomonim dalam Bahasa Melayu Patani dan Bahasa Indonesia pada Interaksi Mahasiswa IAIN Tulungagung. *Jurnal Bahasa Indonesia*, 5(1), 43-60.
- Suhaila Binsamaae, Maslida Yusof & Kartini Abd Wahab. 2019. Analisis Representasi Sintaksis Pasif /*no*/ Dialek Melayu Patani Berdasarkan Teori Role and Reference Grammar. *Jurnal Linguistik*, 23(2), 92-109.
- Sumaiyah Menjamin & Andreena Chema. 2021. Perbandingan Antara Bahasa Melayu Dialek Satun dengan Dialek Patani. *SULUK: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 3(2), 99-104.

- Suraiya Chapakiya. 2020. The Phonological of Patani Malay Dialect: An Analysis of Autosegmental Theory. *Indonesian Journal of Education, Social Sciences and Research (IJESSR)*, 1(2), 71-78.
- Waemaji Paramal. 1991. *Long Consonants in Pattani Malay: The Result of Word and Phrase Shortening*. Unpublished M.A. thesis, Mahidol University, Nakhon Pathom.
- Wahya & Suhaila Arong. 2020. Korespondensi Fonemis Enam Kata Kerabat Bahasa Indonesia, Bahasa Melayu Kelantan, Bahasa Melayu Patani, dan Bahasa Sunda. *Jurnal Metahumaniora Terindeks*, 10(2), 185-197.
- Worawit Baru. 1990. *Pengaruh Bahasa Thai ke Atas Dialek Melayu Patani: Kajian Kes Sociolinguistik di Wilayah Pattani*. Unpublished M.A. thesis, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Worawit Baru. 1999. *Dasar kerajaan dan kesannya terhadap bahasa Melayu di negara Thai*. Unpublished Ph.D thesis, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Biodata Penulis:

Miss Deela Sinur ialah pelajar Doktor Falsafah Kajian Bahasa Melayu di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (BITARA MELAYU), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Rahim Aman (PhD) ialah Profesor di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (BITARA MELAYU), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah Linguistik Sejarah dan Dialektologi.

Shahidi A. Hamid (PhD) ialah Profesor Madya di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (BITARA MELAYU), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah Linguistik Akustik dan Dialektologi.

Rahanee Tehsa ialah pensyarah di Pusat Pengajian Bahasa Melayu, Fakulti Seni Liberal, Princess of Naradhiwas University, Thailand. Bidang pengkhususan beliau ialah bidang Morfologi.